

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan keadaan terkini dan langkah-langkah pencegahan penularan wabak *African Swine Fever* di dalam Malaysia. Apakah tindakan MAQIS dan DVS terhadap penyeludupan makanan proses seperti *luncheon meat* yang telah diharamkan sejak tahun 2019.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan penyakit *African Swine Fever* (ASF) dalam Negara adalah terkawal. Pada masa ini, kejadian penyakit ASF hanya disahkan berlaku di Negeri Sabah, manakala di Negeri Sarawak merupakan kes terpencil dan melibatkan babi hutan di kawasan sempadan Negeri Sabah dan Kalimantan Utara.

Bagi mengekang penyakit ASF dari terus merebak, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. melaksanakan sekatan pengimportan babi dan produk babi ke atas negara-negara yang mengalami wabak ASF;
- ii. melaksanakan pemeriksaan tanda-tanda klinikal ke atas babi komersial, *backyard* dan babi liar melalui program surveilan klinikal;
- iii. melaksanakan persampelan ke atas daging dan produk daging babi yang diimport daripada negara yang tiada dalam senarai sekatan pengimportan di pintu masuk negara;
- iv. mengadakan latihan di lapangan dan *table-top simulation* bersama agensi-agensy berkepentingan sebagai persediaan menangani wabak ASF;
- v. mengharamkan pergerakan keluar masuk ternakan babi dan produk babi dari kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan ASF kecuali mendapat kebenaran daripada pihak DVS;
- vi. memperketatkan kawalan pintu-pintu masuk Negara melalui:

- a) pemeriksaan dan penguatkuasaan di setiap pintu masuk Negara dipertingkatkan. Mana – mana produk babi yang berisiko dan didapati dibawa masuk tanpa dokumen pengimportan yang sah akan disita dan dilupuskan mengikut tatacara pelupusan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728];
  - b) pelaksanaan *inflight announcement* dan meletakkan bunting/pamphlet/risalah bagi memastikan penumpang tidak membawa masuk produk berasaskan babi secara *handcarry*; dan
  - c) pengurusan pelupusan sisa makanan berasaskan babi dan produk babi dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.
- vii. menjalankan kempen kesedaran mengenai bahaya penyakit ASF melalui sesi libat urus, seminar/forum secara atas talian, *infographic poster*, video, pamphlet dan lain-lain kepada pihak-pihak berkepentingan; dan
- viii. menjalankan pemeriksaan berkala dari semasa ke semasa terhadap karkas dan produk berasaskan babi di pasaraya, pasar awam dan gudang sejuk beku.

Berkenaan dengan aduan penyeludupan produk *luncheon meat*, pemeriksaan mendapati produk yang dijual telah dibawa masuk sebelum larangan pengimportan dikuatkuasakan. MAFI menerusi DVS/Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bersama-sama dengan Jabatan dan Agensi lain yang bertanggungjawab sentiasa berusaha dalam memastikan aktiviti penyeludupan dikekang serta terus mengambil tindakan terhadap sebarang aduan yang diterima.

Sekian, terima kasih.